

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN – KELABORAN**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah bentuk kerjasama kerajaan negeri dengan syarikat telekomunikasi dan agensi pusat {SKMM/MCMC} bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur 5G dan adakah kerajaan negeri bercadang membangunkan hab inovasi teknologi pintar berasaskan 5G?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Koridor dan Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospasial (BKI-GIS) sentiasa komited dalam memperkukuh kerjasama strategik bersama pihak syarikat telekomunikasi dan agensi pusat (SKMM/MCMC) bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur komunikasi, khususnya rangkaian 5G di Negeri Kelantan.

Sehingga kini, pelbagai sesi perbincangan telah diadakan melibatkan Projek JENDELA, 5G, Clawback, USP, MC2021 serta penggunaan tanah kerajaan bagi pembinaan menara komunikasi.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pengurangan caj serta fi bagi pemasangan gentian optik serta memberi kelulusan kerja awalan bagi bagi mempercepatkan pelaksanaan projek.

Bagi membangunkan hab inovasi teknologi pintar berasaskan 5G, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif merangka Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 (PTEDNK 2030). Pelan ini berperanan sebagai hala tuju, menggariskan strategi, inisiatif dan program serta menetapkan sasaran untuk membina asas kukuh dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital Negeri Kelantan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah jenis bantuan yang diberikan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan {PKINK} dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan bagi membantu rakyat untuk meningkatkan pencapaian perniagaan mereka?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan {PKINK} sentiasa komited memperkasakan sektor keusahawanan di Negeri Kelantan melalui pelbagai inisiatif seperti penganjuran kursus dan bengkel keusahawanan, penyertaan dalam ekspo dan pameran dalam dan luar negara, pemberian bantuan peralatan perniagaan melalui program CSR dan penganjuran seminar kesedaran halal (maklumat terperinci di Jawapan Tambahan). Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan KALA Sentral Sdn. Bhd. sebagai pusat pasaran berpusat bagi produk usahawan negeri bagi memperluas capaian pasaran dan memperkukuh ekonomi usahawan tempatan.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui Bazar Tok Guru (BTG) Kota Bharu telah menggerakkan beberapa insiatif dalam memperkasa pencapaian perniagaan khususnya rakyat Kelantan. Antaranya ialah:

- i. Penyediaan Lot dan Ruang Niaga kepada peniaga kecil bagi tujuan sewa atau sewa beli.
- ii. Penganjuran program dan aktiviti promosi bagi menarik lebih ramai pengunjung ke BTG serta meningkatkan jualan peniaga.
- iii. Program *Jom Niaga 2024-2026* - menawarkan kadar sewaan rendah sebanyak RM90 sebulan bagi setiap lot.
- iv. Program *Jom Niaga Extra* - menawarkan kadar sewaan istimewa RM80 sebulan bagi setiap lot bagi penyewaan secara pukal.
- v. Sewaan Kedai Makan di Tingkat 3 BTG - ditawarkan pada kadar berpatutan RM300 sebulan bagi setiap lot, lengkap dengan kemudahan sinki, *table top* dan ruang makan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

i. Kursus-kursus Keusahawanan:

| BIL | KURSUS                                  | TARIKH                | TEMPAT        | PESERTA  |
|-----|-----------------------------------------|-----------------------|---------------|----------|
| 1   | Bengkel Shopee Affiliate                | 23 Januari 2025       | Hotel Che Wok | 40 orang |
| 2   | Seminar Keusahawanan                    | 17 - 18 Februari 2025 | Hotel Che Wok | 30 orang |
| 3   | Bengkel Seni Rundingan Dalam Perniagaan | 20 Mei 2025           | Hotel Che Wok | 30 orang |
| 4   | Kursus Asas Pembangunan Produk          | 25-Jun-25             | Hotel Che Wok | 30 orang |
| 5   | Kursus E-Invoice Siri 1 & Pelaksanaan   | 7 Julai 2025          | Hotel Che Wok | 30 orang |

ii. Penyertaan dalam ekspo/ pameran dalam dan luar negara

| BIL | PROGRAM                                                          | TARIKH                     | TEMPAT                                                       |
|-----|------------------------------------------------------------------|----------------------------|--------------------------------------------------------------|
| 1   | Satu Daerah Satu Industri Wilayah Borneo, Tawau Sabah            | 9 - 11 Mei 2025            | Tawau, Sabah                                                 |
| 2   | Satu Daerah Satu Industri, MK3D                                  | 30 Julai - 3 Ogos 2025     | MITEC, Kuala Lumpur                                          |
| 3   | KALA Festival Indahnya Kelantan, AEON Mall Nilai Negeri Sembilan | 21 - 24 Ogos 2025          | AEON Mall Nilai Negeri Sembilan                              |
| 4   | Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Wilayah Timur                   | 30 Ogos - 2 September 2025 | Terengganu Trade Centre                                      |
| 5   | Majlis Pembangunan Industri Halal                                | 4 September 2025           | Hotel The Grand Rennai Kota Bharu                            |
| 6   | Melaka International Halal Festival (MIHF'25)                    | 16 - 20 Oktober 2025       | Melaka International Trade Center (MITC), Ayer Keroh, Melaka |

iii. Program Bantuan Keusahawanan berbentuk CSR (Permohonan Peralatan Berkaitan Perniagaan).

| BIL | PENERIMA                   | PERNIAGAAN        | DAERAH      | BARANGAN                     | JUMLAH (RM) |
|-----|----------------------------|-------------------|-------------|------------------------------|-------------|
| 1   | Nurul Asma Binti Baharudin | Kunafa & Shawarma | Pasir Puteh | 2 Door Display Chiller, Oven | 7,985.00    |
| 2   | Mohamad Idham Bin Mohd Nor | Nasi Bajet        | Pasir Mas   | Gerei Kiosk 15'x15'          | 7,500.00    |
| 3   | Norhidayati binti Dthman   | Kek & Roti        | Kota Bharu  | Oven Bakery Mixer            | 5,700.00    |

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

|               |                            |                                     |            |                                                                               |                  |
|---------------|----------------------------|-------------------------------------|------------|-------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 4             | Mariah Binti Othman        | Jahitan Produk Kraf                 | Pasir Mas  | <i>Walking Foot Machine, Intelligent Sewing, Round Knife Clothing Cutter</i>  | 6,980.00         |
| 5             | Mohd Azaki Bin Mohd Ashri  | Coklat Badam & Kismis Berperisa     | Kota Bharu | <i>Multi Purpose Cooker, Automatic Burner Stand, Workable Stainless Steel</i> | 8,350.00         |
| 6             | Norzila Binti Mahasan      | Pengusaha Kuih                      | Kuala Krai | <i>Bakery Mixer, Kitchen Oven</i>                                             | 3,618.00         |
| 7             | Che Rosilawati Yusof       | Kedai Makan                         | Kota Bharu | <i>Worktable table</i>                                                        | 2,030.00         |
| 8             | Tg Ahmad Ridha Tg Mohamaed | Ternakan Ikan Talapia dalam Sangkar | Kota Bharu | Peralatan Penternakan                                                         | 7,840.00         |
| <b>JUMLAH</b> |                            |                                     |            |                                                                               | <b>50,003.00</b> |

iv. Seminar berkaitan kesedaran halal

| <b>BIL</b> | <b>KURSUS</b>                                                                | <b>TARIKH</b>    | <b>TEMPAT</b>         | <b>JUMLAH PESERTA</b> |
|------------|------------------------------------------------------------------------------|------------------|-----------------------|-----------------------|
| 1          | Seminar Persijilan Halal                                                     | 18 November 2024 | Hotel IBIS            | 50 orang              |
| 2          | Seminar Kewangan Bersama Maybank Islamic Bhd.                                | 10 Februari 2025 | Hotel Perdana         | 120 orang             |
| 3          | Forum Bicara Halal, Seminar Ekonomi Syariah & Industri Halal Negeri Kelantan | 4 September 2025 | Grand Renai, Kelantan | 50 orang              |

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

v. Inisiatif kepada rakyat yang berniaga iaitu:

|                               |                         |                                                                                                                                                   |                                                                                                             |
|-------------------------------|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pusat Produk Kelantan SENTRAL | Pasaran Usahawan - KALA | Inisiatif Kerajaan untuk membolehkan produk usahawan Kelantan dipasarkan secara berpusat oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) | 1. Jumlah produk di KALA Sentral Sdn. Bhd. 330 produk.<br><br>2. Jumlah usahawan yang terlibat -86 usahawan |
|-------------------------------|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Status lot-lot di Bazar Tok Guru (BTG) yang telah disewa dan yang masih kosong sehingga 31 Ogos 2025.

|                         | <b>Tingkat 1</b> | <b>Tingkat 2</b> | <b>Tingkat 3</b> | <b>Tingkat 3 (Kedai Makan)</b> | <b>Jumlah</b> |
|-------------------------|------------------|------------------|------------------|--------------------------------|---------------|
| Lot PMBK Guna           | -                | 8                | 13               | -                              | 21            |
| Lot Wakaf MAIK          | -                | -                | 3                | -                              | 3             |
| Lot Telah Dijual        | 60               | 94               | 2                | 6                              | 162           |
| Low Disewa Beli Peniaga | 293              | 2                | -                | -                              | 295           |
| Lot Sewaan (Biasa)      | 2                | 10               | 68               | -                              | 80            |
| Lot Sewaan (Borong)     | -                | 71               | 80               | -                              | 151           |
| Lot Masih Kosong        | 2                | 70               | 74               | 5                              | 151           |
| <b>Jumlah Lot</b>       | <b>357</b>       | <b>255</b>       | <b>240</b>       | <b>11</b>                      | <b>863</b>    |

Pada tahun 2021 kerajaan negeri Kelantan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah menyediakan satu bantuan khas kewangan secara 'one off' kepada usahawan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) Mikro negeri Kelantan bagi membantu dan menyantuni para usahawan yang terjejas sepanjang Covid-19. Melalui bantuan ini, para usahawan dapat memanfaatkannya dalam mengembangkan lagi perniagaan masing-masing.

Program yang dikenali sebagai Geran Bantuan Usahawan Digital (BUDi) telah diagihkan kepada 1,000 penerima yang memenuhi syarat dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM500,000.00. Program ini telah diuruskan oleh PMBK dengan kerjasama Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) dan pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi pada ketika itu.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah strategi yang dibuat oleh kerajaan negeri yang berjaya mengubah kedudukan bajet yang pada asalnya mencatatkan defisit sebanyak RM178.49 juta kepada lebihan (surplus) sebanyak RM10.92 juta menjelang penghujung tahun 2024?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Antara strategi utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sehingga berjaya mengubah kedudukan bajet daripada defisit sebanyak RM178.49 juta kepada lebihan (surplus) sebanyak RM10.92 juta pada penghujung tahun 2024 adalah seperti berikut:

- i. Peningkatan hasil negeri melalui sumbangan wang ehsan dan pemberian geran defisit oleh Kerajaan Persekutuan secara one-off berjumlah RM340.15 juta, yang membantu menampung kekurangan hasil semasa.
- ii. Pelaksanaan kawalan perbelanjaan mengurus secara berhemah dengan menumpukan perbelanjaan kepada komitmen tetap seperti gaji dan elaun kakitangan tetap serta kontrak. Setiap perbelanjaan disemak dan diluluskan berdasarkan kemampuan aliran tunai sebenar.
- iii. Penambahbaikan tadbir urus serta tatakelola perolehan yang baik melalui pelaksanaan dasar perolehan berpusat, rundungan harga dan pembelian pukal bagi mengoptimumkan kos kerajaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan awam.
- iv. Penyusunan semula perbelanjaan pembangunan berdasarkan keperluan tunai projek dengan memberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi yang memberi pulangan ekonomi dan manfaat langsung kepada rakyat.

Kesimpulannya, melalui gabungan langkah-langkah ini, Kerajaan Negeri berjaya memperkukuh kedudukan fiskal dan menutup tahun 2024 dengan lebihan RM10.92 juta, hasil pengurusan kewangan yang cekap, telus dan bertanggungjawab.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH - CHEMPAKA

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan senarai sukan yang akan dipertandingkan dalam SUKMA 2028 beserta lokasi pertandingan tersebut. Apakah garis panduan sukan Negeri yang ditetapkan bagi memastikan pematuhan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2025 dalam penganjuran sukan?

JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)

Penetapan senarai sukan dan lokasi pertandingan bagi Sukan Malaysia (SUKMA) Kelantan 2028 masih belum dimuktamadkan kerana perkara ini akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan.

Bagi garis panduan sukan Negeri, ia juga masih dalam proses penyediaan dan akan dimuktamadkan selepas penetapan Garis Panduan Mesra Syariah yang sedang digubal oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) bagi memastikan pematuhan terhadap Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2025.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan kawasan-kawasan dalam negeri Kelantan yang telah sempurna diliputi 5G mengikut pecahan operator dan langkah-langkah yang dirancang untuk meluaskan lagi liputan tersebut.

JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

MCMC menjalin kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemberi perkhidmatan melalui beberapa inisiatif utama. Antaranya termasuk memudahcara serta menyelaras proses kelulusan tapak menara komunikasi oleh PBT bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur komunikasi, merangkumi menara 4G dan 5G. Pemberi perkhidmatan pula terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pelaksanaan di lapangan, manakala MCMC dan Kerajaan Negeri menyediakan sokongan dari segi polisi, kelulusan serta penyediaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik dan jaringan fiber optik yang diperlukan bagi pengoperasian tapak.

Sehingga 31 Ogos 2025, Digital Nasional Berhad (DNB) telah menyiapkan 232 tapak pemancar 5G di negeri Kelantan, yang secara keseluruhan telah menyediakan 67% liputan 5G di kawasan berpenduduk. Bagi rangkaian 5G kedua pula, U Mobile Sdn Bhd (U Mobile) telah menaik taraf 109 tapak ke liputan 5G sejak ia mula beroperasi pada 14 Julai 2025.

Pecahan perbandingan liputan 4G dan 5G di kawasan berpenduduk mengikut Jajahan di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

JAJAHAN	LIPUTAN 4G BAGI KAWASAN BERPENDUDUK	LIPUTAN 5G BAGI KAWASAN BERPENDUDUK
TUMPAT	100%	92.70%
KOTA BHARU	100%	93.40%
PASIR MAS	99.94%	65%
BACHOK	100%	41.50%
TANAH MERAH	99.64%	65.30%
PASIR PUTEH	99.98%	44.20%
MACHANG	99.96%	56.50%
JELI	99.60%	35.50%
KUALA KRAI	99.22%	41.40%
GUA MUSANG	98.41%	34.30%

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

Liputan 5G di negeri Kelantan dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak DNB dan U Mobile berdasarkan keperluan dan kesediaan infrastruktur. Untuk perluasan liputan 5G, MCMC akan melaksanakan peningkatan daripada 4 hala ke 6 hala rangkaian teras pelbagai operator (*Multi-Operator Core Network* - MOCN) bagi membolehkan liputan diperluaskan dengan lebih cepat.

Selain itu, MCMC turut mengkaji kesesuaian menara di bawah pelaksanaan JENDELA Fasa 1 untuk turut dilibatkan bagi tujuan rangkaian 5G. Perbincangan menyeluruh bersama jabatan-jabatan berkaitan, termasuk Pejabat MCMC Negeri Kelantan serta kedua-dua penyedia rangkaian 5G telah diadakan bagi membincangkan kebolehpayaan pelaksanaannya. Pendekatan ini akan mengoptimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada, mengurangkan kos dan masa pelaksanaan, serta membolehkan rakyat menikmati liputan yang lebih meluas dengan kadar yang lebih pantas.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan bilangan operator bas henti-henti dalam negeri Kelantan dan bilangan bas terkini yang digunakan mengikut operator-operator tersebut serta kemudahan yang boleh disediakan oleh agensi kerajaan negeri untuk kegunaan pengguna.

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Mulai 1 Julai 2025, perkhidmatan MRD telah diambil alih secara berfasa oleh jenama baharu, iaitu BAS.MY Kota Bharu di bawah Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST), yang juga dikendalikan oleh E-Mutiara. Pada masa ini, BAS.MY Kota Bharu beroperasi dengan 67 buah bas, meliputi 16 laluan dan melibatkan seramai 80 orang jurupandu.

Konsortium E-Mutiara Berhad adalah pengendali tunggal perkhidmatan bas berhenti-henti di negeri Kelantan. Operator SKMK yang sebelum ini mengendalikan perkhidmatan Maraliner, kini tidak lagi aktif.

Bagi meningkatkan kemudahan kepada pengguna, kerajaan melalui agensi berkaitan boleh menyediakan stesen bas utama di setiap jajahan, hentian yang lebih selesa dan selamat di sepanjang laluan, kemudahan mesra OKU dan warga emas, serta infrastruktur sokongan lain yang mampu menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Bermula 1 Februari 2022, perkhidmatan bas berhenti-henti di negeri Kelantan dikendalikan oleh Konsortium E-Mutiara Berhad (E-Mutiara) selaku operator yang dilantik oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Melalui jenama Mutiara Rentas Desa (MRD), E-Mutiara beroperasi di bawah skim Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-Henti (ISBSF), meliputi 13 laluan di seluruh negeri Kelantan dengan penggunaan 27 buah bas serta seramai 40 orang pemandu.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

Selain itu, berikut adalah laluan-laluan yang telah dipersetujui oleh Bas.MY:

- I. D10 (Kota Bharu - Pengkalan Chepa)
- II. D11 (Kota Bharu - Sabak via Kemumin)
- III. D12 (Kota Bharu - Sabak via Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra)
- IV. D13 (Kota Bharu - Pantai Cahaya Bulan)
- V. D20 (Kota Bharu - Pengkalan Kubor via Chabang Empat)
- VI. D21 (Kota Bharu - Pengkalan Kubor via Tumpat)
- VII. D50 (Kota Bharu - Bachok)
- VIII. D52 (Kota Bharu - Kampung Raja via Tok Bali)
- IX. D30 (Kota Bharu - Pasir Mas via Salor)
- X. D31 (Kota Bharu - Meranti)
- XI. D32 (Kota Bharu - Rantau Panjang) 1
- XII. D40 (Kota Bharu - Jeli via Tanah Merah)
- XIII. D51 (Kota Bharu - Jerteh via Pasir Puteh)
- XIV. D60 (Kota Bharu - Kuala Krai via Machang)
- XV. D61 (Kota Bharu - UiTM Machang)
- XVI. D62 (Kota Bharu - Gua Musang)

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM - KOTA LAMA**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan status pembangunan dan tindakan yang akan diambil terhadap kawasan pembangunan yang kelihatan terbengkalai seperti di Kampung Gajah Mati dan Raja Dewa hadapan Taman Indra, yang kini dipenuhi semak-samun dan mencacatkan pemandangan bandar.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Kawasan Pembangunan di Seksyen 10, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan merupakan projek usaha sama antara MPKB-BRI dan Syarikat KD Howa Seng Sdn. Bhd. yang telah ditandatangani melalui Perjanjian Usaha Sama oleh pihak-pihak pada 20 September 2010. Status terkini projek di mana pihak Syarikat dalam proses menyambung pewartaan tanah yang telah tamat tempoh pada 10 Oktober 2020 di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang melibatkan baki 23 lot lagi. Dalam masa yang sama juga, pihak Syarikat dalam proses menyediakan Master Plan projek berkenaan ekoran perubahan komponen projek daripada kelulusan asal. Perubahan ini tertakluk kepada Garis Panduan Pembinaan Kawasan Sekitar Istana yang menghadkan ketinggian bangunan mengikut radius tertentu, yang mana bagi projek ini hanya dibenarkan ketinggian tidak melebihi lima (5) tingkat sahaja. Pihak Majlis juga mengemukakan Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Kepada Bahagian Koordinasi dan Program Khas (BKPK), SUK setiap tiga (3) bulan sekali bagi tujuan pemantauan secara berkala untuk memastikan projek tersebut berjaya.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan perancangan kerajaan untuk mewujudkan kawasan perindustrian baharu memandangkan Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa sudah padat untuk pengembangan perindustrian di negeri ini.

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian terhadap keperluan mewujudkan kawasan perindustrian baharu memandangkan Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa kini telah mencapai tahap kepadatan yang tinggi.

Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pembangunan berfasa Taman Perindustrian IBS di Sungai Bagan, Machang, Kelantan yang merupakan sebuah projek pembangunan perindustrian berkonsepkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang pertama di Malaysia. Projek ini dibangunkan hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan, CIDB Malaysia dan PKINK di atas tanah seluas kira-kira 200 ekar. Taman IBS ini akan menjadi hab pengeluaran komponen binaan moden, pusat latihan tenaga mahir serta pusat penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi pembinaan. Ianya dijangka bukan sahaja merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat malah menyediakan lebih 3,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan apabila fasa pertama pembinaan yang melibatkan 47 lot industri, 60 lot komersial dan satu Pusat Kecemerlangan IBS siap sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2026.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN - BUNUT PAYONG

1. Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan Unit Penguatkuasa di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) bagi menangani gejala sosial?

JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah mengemukakan kertas cadangan untuk memperkasakan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah bagi menangani gejala sosial di Negeri Kelantan.

Cadangan pemerksaan tersebut merangkumi beberapa aspek penting. Antaranya ialah tambahan Unit dan anggota di peringkat ibu pejabat dan di jajahan-jajahan lain. Sebagai contoh, pemerksaan dari sudut bilangan anggota penguatkuasa agama; tambahan daripada 5 orang kepada sekurang-kurangnya 10 orang anggota setiap jajahan, lantikan penguatkuasa agama wanita yang hanya 12 orang bagi seluruh negeri Kelantan kepada jumlah yang lebih munasabah iaitu sekurang-kurangnya 3 orang bagi setiap jajahan dan unit.

Cadangan pemerksaan lain ialah menyediakan kenderaan khusus untuk kegunaan penguatkuasa agama dimana bagi setiap jajahan hanya ada sebuah kenderaan yang dikongsi bersama dengan unit lain.

Selain itu, anggota penguatkuasa agama juga perlu diberi elaun kritikal atau sekurang-kurangnya ada perlindungan insurans. Beban tugas anggota penguatkuasa agama selain

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

menangani gejala sosial, mereka juga perlu menguruskan kes matrimoni dan melengkapkan kertas siasatan sehingga berjaya didakwa dan dituduh di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.

Tahun 2025, kertas cadangan telah dipanjangkan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) untuk membuat kajian dan penelitian lanjut.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

1. Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah statistik projek di bawah RMK-12 di Kelantan mengikut pecahan telah siap, dalam pelaksanaan dan belum bermula?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Berdasarkan data Sistem MyProjek sehingga 6 Oktober 2025, statistik prestasi pelaksanaan projek bagi RP5 RMKe-12 negeri Kelantan adalah seperti berikut;

- i. Jumlah Keseluruhan Projek 491 (116 projek baharu, 375 projek sambungan)
- ii. 85 projek berstatus pasca pelaksanaan
- iii. 248 projek dalam pelaksanaan
- iv. 154 projek berstatus pra pelaksanaan
- v. 2 projek simpan dalam perhatian
- vi. 2 projek batal



**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Berapakah jumlah pelaburan yang berjaya masuk ke Kelantan bermula tahun 2000 hingga 2024?

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Jumlah Pelaburan yang berjaya masuk ke Kelantan bermula pada tahun 2000 hingga 2024 adalah sebagaimana berikut:

| <b>TAHUN</b> | <b>JUMLAH PELABURAN (RM)</b> |
|--------------|------------------------------|
| 2000         | 33,300,000                   |
| 2001         | 181,660,175                  |
| 2002         | 9,543,000                    |
| 2003         | 59,815,400                   |
| 2004         | 107,187,509                  |
| 2005         | 132,920,324                  |
| 2006         | 47,073,840                   |
| 2007         | 101,038,760                  |
| 2008         | 147,720,000                  |
| 2009         | 134,929,520                  |
| 2010         | 253,099,770                  |
| 2011         | 207,862,573                  |
| 2012         | 115,086,555                  |
| 2013         | 1,053,950,000                |
| 2014         | 1,245,244,376                |
| 2015         | 764,678,747                  |
| 2016         | 514,289,425                  |
| 2017         | 218,567,796                  |
| 2018         | 101,260,543                  |
| 2019         | 2,485,048,966                |
| 2020         | 416,081,722                  |
| 2021         | 385,624,172                  |
| 2022         | 2,757,287,092                |
| 2023         | 1,182,143,692                |
| 2024         | 2,157,659,991                |

Sumber : MIDA

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

3. Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah bilangan penerima Skim Khairat Kifaallah mengikut pecahan DUN bermula tahun 2018 hingga 2024?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Jumlah penerima manfaat Skim Khairat Kifaallah Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2018 sehingga tahun 2024 adalah seramai 32,386 orang yang terdiri daripada kematian biasa 1,888 orang sebagaimana berikut:

| BIL                | TAHUN | PERKARA           | PENDAFTARAN<br>AHLI | TUNTUTAN<br>KEMATIAN<br>(KES) | BAYARAN PAMPASAN<br>TUNTUTAN KEMATIAN<br>MENGIKUT POLISI<br>(RM) | BAYARAN PAMPASAN<br>KESELURUHAN (RM) |
|--------------------|-------|-------------------|---------------------|-------------------------------|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|
| 1                  | 2018  | KEMATIAN BIASA    | 6,391               | 3,017                         | 1,500                                                            | 4,525,500                            |
| 2                  | 2019  | KEMATIAN BIASA    | 27,866              | 4,405                         | 1,000                                                            | 4,405,000                            |
| 3                  | 2020  | KEMATIAN BIASA    | 13,141              | 4,655                         | 1,000                                                            | 4,655,000                            |
| 4                  | 2021  | KEMATIAN BIASA    | 6,619               | 5,048                         | 1,000                                                            | 5,048,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 1,060                         | 1,500                                                            | 1,590,000                            |
| 5                  | 2022  | KEMATIAN BIASA    | 4,472               | 3,850                         | 1,000                                                            | 3,850,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 732                           | 1,500                                                            | 1,098,000                            |
| 6                  | 2023  | KEMATIAN BIASA    | 6,728               | 4,890                         | 1,000                                                            | 4,890,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 86                            | 1,500                                                            | 29,000                               |
| 7                  | 2024  | KEMATIAN BIASA    | 8,104               | 4,633                         | 1,000                                                            | 4,633,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 10                            | 1,500                                                            | 15,000                               |
| JUMLAH KESELURUHAN |       |                   | 73,321              | 32,386                        |                                                                  | 34,838,500                           |

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD – GUAL PERIOK

1. Mohon kerajaan negeri membentangkan status semasa pelaksanaan projek RMK- 12 di Kelantan, berapa peratus siap, dan apakah langkah drastik diambil agar baki projek dapat diselesaikan sebelum tamat tempoh rancangan.

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Sehingga 6 Oktober 2025, prestasi pelaksanaan projek bagi RP5 RMKe-12 negeri Kelantan adalah seperti berikut;

- i. Jumlah Keseluruhan Projek 491 (116 projek baharu, 375 projek sambungan)
- ii. 85 projek berstatus pasca pelaksanaan (17.4%)
- iii. 248 projek dalam pelaksanaan (51%)
- iv. 154 projek berstatus pra pelaksanaan (31.5%)
- v. 2 projek simpan dalam perhatian (0.004%)
- vi. 2 projek batal (0.004%)

Kerajaan Negeri sentiasa menjalankan pemantauan projek secara berkala bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual dan mencapai sasaran sebelum tamat tempoh rancangan. Antara langkah yang diambil ialah:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah (JTPD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Negeri (JTPNg) sentiasa diadakan secara berkala.
- ii. Mesyuarat pemantauan lain seperti mesyuarat 'intervensi', mesyuarat 'transform', mesyuarat 'reboot' berkaitan projek sentiasa diadakan apabila isu berkaitan kelambatan sesuatu projek dikesan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

iii. Penubuhan pasukan 'Task Force' projek yang melibatkan pelbagai jabatan negeri dan persekutuan bagi menyelesaikan isu-isu projek yang memerlukan penyelarasan antara agensi.

Terdapat beberapa projek di bawah RMKe-12 yang dijangka melangkaui tempoh pelaksanaan ke Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) bagi memastikan kesinambungan pembangunan di Negeri Kelantan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Mohon kerajaan menjelaskan perkembangan projek Central Spine Road (CSR) dan Lebuhraya Kota Bharu- Kuala Krai, serta langkah koordinasi untuk atasi isu pengambilan tanah dan kelewatan kontraktor

JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)

Sehingga September 2025, kemajuan keseluruhan projek CSR atau kini dikenali sebagai Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU) sepanjang 300KM telah mencapai 75.30% berbanding jadual 75.96%.

Daripada jumlah tersebut, 14 seksyen telah siap sepenuhnya, termasuk keseluruhan Pakej 5 yang melibatkan empat (4) seksyen dan telah dibuka kepada pengguna pada 11 Jun 2024. Baki 12 seksyen yang lain kini berada pada pelbagai peringkat pembinaan, dan keseluruhan LTU dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2028.

Bagi projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) pula, ia melibatkan tiga (3) pakej utama yang dibahagikan kepada lapan (8) subpakej dengan panjang keseluruhan 70.4 kilometer. Sehingga September 2025, kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 59.01% berbanding jadual 59.31%. Daripada jumlah tersebut, dua (2) subpakej iaitu Pakej 1 dan Pakej 2A telah siap sepenuhnya serta dibuka kepada pengguna pada Oktober 2019. Baki lima (5) subpakej kini sedang giat dilaksanakan, dan keseluruhan projek KBKK dijangka siap menjelang tahun 2027.

Bagi menangani isu-isu kelewatan dan memastikan keberhasilan projek ini, pihak Kementerian Kerja Raya bersama agensi pelaksana Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif dan strategik termasuk:

- i. Program lawatan turun padang secara berkala oleh pengurusan tertinggi Kementerian dan JKR ke tapak-tapak projek bagi memantau pelaksanaan sebenar dan menyelaraskan tindakan segera di lapangan;

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

- ii. Libat urus intensif bersama pemegang taruh seperti Pejabat Tanah dan pihak utiliti bagi menyelesaikan isu berkaitan pengambilan balik tanah dan pemindahan utiliti;
- iii. Pemantauan prestasi kontraktor secara mingguan, dengan laporan disalurkan terus kepada peringkat pengurusan tertinggi untuk tindakan pembetulan segera;
- iv. Penilaian dan penggantian kontraktor yang gagal mematuhi tahap prestasi minimum, berdasarkan mekanisme kontrak yang sedia ada.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah jumlah ,nama dan bilangan pondok yang masih aktif di Kelantan mengikut pecahan daerah?]

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan sejauh manakah kajian yang dibuat terhadap perkembangan perkhidmatan Bahagian Koridor Infrastruktur (BKI) setelah ianya dilaksanakan di Negeri Kelantan?

JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Sejak penubuhannya pada tahun 2020, Bahagian Kawalan Infrastruktur - Sistem Maklumat Geospasial (BKI-GIS) telah menunjukkan pencapaian yang positif khususnya dalam aspek kawalan gunatanah berkaitan pembangunan infrastruktur utiliti, penubuhan pangkalan data maklumat GIS utiliti, serta peningkatan hasil negeri.

Secara dasarnya, BKI-GIS merupakan Pihak Berkuasa Infrastruktur Utiliti yang telah ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyelia aktiviti berkaitan:

- i. Pembangunan dan penyelenggaraan koridor infrastruktur utiliti;
- ii. Pembangunan Sistem Maklumat Geospasial Pangkalan data bagi infrastruktur utiliti.

Buat masa ini BKI masih signifikan dengan janaan pendapatan hasil kepada kerajaan negeri dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah jumlah RM 14, 830,213.39. Untuk itu kajian dan semakan dari semasa dan semasa akan dilaksanakan oleh pihak BKI.

Jumlah permohonan kelulusan permit hak akses dan penggunaan tanah bagi tahun 2022-2025 adalah sebagaimana perincian di bawah:

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

TAHUN	PERMOHONAN BERDASARKAN JENIS UTILITI					JUMLAH
	ELEKTRIK	R	TELCO	PEMBENTUNGAN	.	
2020	79	-	7	-	-	86
2021	85	0	20	1	-	136
2022	59	7	86	1	-	193
2023	75	7	67	-	-	179
2024	126	0	82	-	-	228
2025	180	8	87	2	-	337

Prestasi kutipan hasil kelulusan permit hak akses dan penggunaan tanah adalah sebagaimana berikut:

PERKARA	TAHUN					
	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Kelulusan Permit Hak Akses Dan Penggunaan Tanah	471,480.00	1,9489,143.19	2,498,390.00	4,058,498.50	4,128,877.60	2,183,824.10

JUMLAH KESELURUHAN (2020-2025)	14, 830,213.39
---------------------------------------	-----------------------

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum serta mengukuhkan hubungan sosial di peringkat kampung dan mukim.

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) di bawah portfolio Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat sentiasa memberi penekanan kepada agenda perpaduan sosial dan keharmonian komuniti sebagai salah satu teras utama dalam Pelan Tindakan Portfolio EXCO.

Pendekatan kerajaan negeri adalah untuk memperkukuhkan perpaduan masyarakat melalui aktiviti berasaskan komuniti, belia dan sukan massa, dengan matlamat membina integrasi sosial secara semula jadi dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang.

**1. Pendekatan Dasar dan Pelan Tindakan**

Kerajaan Negeri telah memperincikan agenda perpaduan dibawah teras Perpaduan Masyarakat dan Keharmonian Sosial, yang memberi tumpuan kepada tiga hala tuju utama:

- Memupuk semangat perpaduan di peringkat belia dan komuniti akar umbi;
- Menggalakkan aktiviti berasaskan budaya, sukan dan kesukarelawanan antara kaum;
- Menjadikan Kelantan sebagai model perpaduan harmoni berteraskan nilai Islam dan kemajuan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**2. Pelaksanaan Program Tahun 2025**

Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh U-BeS sepanjang tahun 2025 bagi memperkukuhkan hubungan sosial dan keharmonian masyarakat ialah seperti berikut:

- Blarok Warisan & Unity Fun Walk telah diadakan pada 10 Mei 2025 bertempat di Kompleks Apam Putra & Dataran Bandar Baru Pasir Mas. Program berkonsepkan warisan dan kebudayaan ini menghimpunkan rakyat pelbagai kaum berpakaian tradisional masing-masing, menyertai Unity Fun Walk dengan suasana penuh warna-warni dan harmoni. Acara ini menjadi simbol perpaduan dan identiti masyarakat majmuk di Kelantan. Kejohanan Tenpin Bowling Antara Kaum 2025 pada 11 Julai 2025 bertempat di Lite Superbowl JB7, Mydin Mall Tunjong. Program ini mempertemukan pelbagai kaum dalam suasana santai dan sihat melalui aktiviti sukan. Dihadiri oleh YB EXCO dan Pengarah U-BeS, ia menjadi platform memperkukuh hubungan antara kaum melalui semangat kesukanan dan kekeluargaan.
- Cabaran Mr. Awang Selamat Kelantan 2025 pada 20 September 2025 di AEON Mall Kota Bharu. Platform ini menghimpunkan anak muda dari pelbagai latar belakang melalui aktiviti kecergasan dan gaya hidup sihat, menonjolkan minat bersama dalam suasana positif dan inklusif.
- Kejohanan Catur Piala YB EXCO pada 2 Jun 2025 bertempat di Kota Bharu. Program sukan minda yang menggabungkan peserta pelbagai kaum dan umur, bertujuan membina perpaduan melalui nilai kesabaran, fokus dan hormat sesama pemain. Aktiviti seperti ini membina interaksi sosial yang erat di peringkat kampung dan mukim.
- Jalinan Mesra Antara Kaum Bersama Komuniti Orang Asli dijangka akan diadakan pada 1 November 2025 bertempat di Pos Tuel, Gua Musang. Sesi libat urus dan aktiviti gotong-royong bersama masyarakat Orang Asli bagi memperkukuh kefahaman antara kaum serta memupuk nilai kebersamaan.
- Kembara Perpaduan Kaum akan pada 7-8 November 2025 bertempat di Kg Gua Ikan, Dabong. Aktiviti berasaskan komuniti yang menggabungkan elemen sukan lasak,

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

pengembaraan dan aktiviti kebajikan bagi membina semangat kekitaan antara kaum di kawasan luar bandar.

- Selain itu juga akan diadakan satu program 'Harmony Fest' pada akhir tahun ini di Dewan Sivik, Gua Musang. Festival yang dirancang sebagai platform tahunan menghimpunkan pelbagai kaum untuk mempersembahkan seni, budaya dan makanan tradisional masing-masing dalam suasana muhibah.

**3. Inisiatif Inklusif & Media Sosial**

Bagi memperluas penglibatan generasi muda, U-BeS turut melaksanakan inisiatif kreatif seperti:

- Pertandingan Video TikTok "Kelantan Model Perpaduan", yang menggalakkan anak muda menzahirkan semangat perpaduan melalui kandungan kreatif media sosial.
- Program Seminar "Kelantan Model Perpaduan" sempena Karnival Perpaduan Nasional, yang menghimpunkan peserta dari pelbagai negeri dan latar belakang untuk bertukar pandangan serta idea memperkukuh keharmonian masyarakat.

**4. Fokus Belia & Komuniti Akar Umbi**

Di peringkat kampung dan mukim, U-BeS turut menganjurkan sukan massa dan aktiviti santai seperti pertandingan Liga penalti, Hiking, Nisa' Games Kelantan 2025 dan sukan rakyat, sebagai usaha mendekatkan masyarakat setempat tanpa mengira kaum. Pendekatan ini terbukti berkesan dalam membina jalinan sosial serta rasa kekitaan di peringkat akar umbi.

Keseluruhan inisiatif ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan perpaduan sosial melalui pendekatan praktikal dan berterusan, bukan sekadar slogan. Kelantan kini sedang bergerak sebagai Model Perpaduan Masyarakat sebuah negeri yang mengamalkan keharmonian, menghormati kepelbagaian, dan memupuk kesejahteraan berteraskan nilai Islam serta budaya tempatan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah hakisan pantai yang semakin membimbangkan di sepanjang 34 kilometer persisiran pantai Bachok.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan telah mengenalpasti kaedah penyelesaian isu hakisan pantai yang semakin membimbangkan di sepanjang 34 kilometer persisiran pantai Bachok dan pada waktu ini JPS dalam perancangan untuk mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dalam *Rolling Plan 2* (RP2) 2026 terutama bagi hakisan di Pantai Damak dan Pantai Kemayang, Bachok.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN – SEMERAK

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah jumlah pemberian Wang Ehsan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri mengikut pecahan tahun dan jumlah bermula tahun 2018 hingga 2024?

JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)

Jumlah pemberian Wang Ehsan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM Juta)
2018	-
2019	28.37
2020	196.49
2021	201.04
2022	331.38
2023	217.96
2024	304.1

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Berapa buahkah rumah di bawah Skim Rumah Dhuafat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah berjaya di bina mengikut pecahan tahun dan DUN ?

JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membantu golongan miskin di Kelantan melalui pelaksanaan Skim Rumah Dhuafat. Berdasarkan rekod Pejabat Pembangunan Negeri, bagi tempoh tahun 2009 hingga Jun 2025, sebanyak 9,498 buah rumah telah berjaya dilaksanakan di bawah skim ini, yang merangkumi:

- 1,448 buah rumah bina baharu, dan
- 8,050 buah rumah baik pulih.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan ialah RM142,885,354.01, terdiri daripada:

- RM61,257,395.00 bagi rumah bina baharu, dan
- RM81,597,959.01 bagi baik pulih rumah

Data pecahan mengikut tahun dan jajahan adalah seperti di Lampiran A.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh**

**YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG**

1. Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah bilangan penerima Skim Khairat Kifaallah mengikut pecahan DUN bermula tahun 2018 hingga 2024?

**SOALAN SAMA YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Jumlah penerima manfaat Skim Khairat Kifaallah Kerajaan Negeri Kelantan pada Tahun 2018 sehingga Tahun 2024 adalah seramai 32,386 orang yang terdiri daripada kematian biasa 1,888 orang sebagaimana berikut:

| BIL                | TAHUN | PERKARA           | PENDAFTARAN<br>AHLI | TUNTUTAN<br>KEMATIAN<br>(KES) | BAYARAN PAMPASAN<br>TUNTUTAN KEMATIAN<br>MENGIKUT POLISI<br>(RM) | BAYARAN PAMPASAN<br>KESELURUHAN (RM) |
|--------------------|-------|-------------------|---------------------|-------------------------------|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|
| 1                  | 2018  | KEMATIAN BIASA    | 6,391               | 3,017                         | 1,500                                                            | 4,525,500                            |
| 2                  | 2019  | KEMATIAN BIASA    | 27,866              | 4,405                         | 1,000                                                            | 4,405,000                            |
| 3                  | 2020  | KEMATIAN BIASA    | 13,141              | 4,655                         | 1,000                                                            | 4,655,000                            |
| 4                  | 2021  | KEMATIAN BIASA    | 6,619               | 5,048                         | 1,000                                                            | 5,048,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 1,060                         | 1,500                                                            | 1,590,000                            |
| 5                  | 2022  | KEMATIAN BIASA    | 4,472               | 3,850                         | 1,000                                                            | 3,850,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 732                           | 1,500                                                            | 1,098,000                            |
| 6                  | 2023  | KEMATIAN BIASA    | 6,728               | 4,890                         | 1,000                                                            | 4,890,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 86                            | 1,500                                                            | 29,000                               |
| 7                  | 2024  | KEMATIAN BIASA    | 8,104               | 4,633                         | 1,000                                                            | 4,633,000                            |
|                    |       | KEMATIAN COVID-19 | 0                   | 10                            | 1,500                                                            | 15,000                               |
| JUMLAH KESELURUHAN |       |                   | 73,321              | 32,386                        |                                                                  | 34,838,500                           |



**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Berapa buahkah rumah di bawah Skim Rumah Dhuafat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah berjaya di bina mengikut pecahan tahun dan DUN?

**SOALAN SAMA YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membantu golongan miskin di Kelantan melalui pelaksanaan Skim Rumah Dhuafat. Berdasarkan rekod Pejabat Pembangunan Negeri, bagi tempoh tahun 2009 hingga Jun 2025, sebanyak 9,498 buah rumah telah berjaya dilaksanakan di bawah skim ini, yang merangkumi:

- 1,448 buah rumah bina baharu, dan
- 8,050 buah rumah baik pulih.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan ialah RM142,885,354.01, terdiri daripada:

- RM61,257,395.00 bagi rumah bina baharu, dan
- RM81,597,959.01 bagi baik pulih rumah

Data pecahan mengikut tahun dan jajahan adalah seperti di Lampiran A.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR - BUKIT BUNGA

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar berkongsi sama ada kerajaan negeri ada perancangan untuk menaik taraf atau melebarkan Jalan Utama Jeli-Machang bagi mengatasi kesesakan lalu lintas khususnya ketika musim cuti sekolah, sebagai usaha memperkukuh jaringan jalan raya, pelancongan dan ekonomi setempat.

JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)

Jalan utama Jeli-Machang merupakan jalan persekutuan yang menghubungkan antara Negeri Pantai Timur dan Negeri Utara Malaysia. Kerajaan Persekutuan telah menjalankan kajian terhadap keperluan menaik taraf jalan ini dan hasil kajian tersebut telah dizahirkan dalam Highway Network Development Plan 2030 (HNDP 2030). Memandangkan jalan tersebut melibatkan jarak yang panjang dan kos yang tinggi, JKR Negeri Kelantan akan mengangkat permohonan bagi kerja menaiktaraf secara berfasa.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri Kelantan turut telah mengemukakan permohonan menaik taraf dan melebarkan Jalan Utama Jeli-Machang di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) serta projek pembesaran Jambatan Kusial di bawah RMK-12. Permohonan ini akan terus diangkat dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran jaringan jalan raya dan pembangunan ekonomi setempat.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL - KUALA BALAH**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah usaha2 Kerajaan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai Ilmu faraid dan kepentingan menyediakan Perancangan Harta Pusaka bagi mempercepatkan proses Pengurusan Harta Pusaka sekaligus mengurangkan masalah harta beku dan pertikaian di kalangan ahli keluarga?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap ilmu faraid dan perancangan harta pusaka, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Hal ehwal Agama Islam (JAHEAIK), Jabatan Mufti, Persatuan Peguam Syarie Negeri Kelantan dan sebagainya telah melaksanakan pelbagai program penerangan dan advokasi. Usaha ini turut diperluaskan melalui platform media sosial dan media siber sebagai medium penyebaran ilmu faraid yang lebih meluas dan berkesan kepada masyarakat.

Mahkamah Syariah Negeri Kelantan berperanan mengeluarkan Sijil Faraid berdasarkan keterangan pihak-pihak yang hadir di hadapan Hakim Syarie untuk menentukan ahli waris yang berhak dan bahagiannya. Manakala Pejabat Pembahagian pusaka pula pula bertenggangjawab mengeluarkan perintah pembahagian yang meliputi harta alih Dan tak alih. Selain daripada ilmu faraid, masyarakat turut diberikan pendedahan mengenai instrumen perancangan harta Islam seperti hibah, wasiat, wakaf, nazar dan khairat. Dalam Hal ini pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mempunyai bidang kuasa dalam menguruskannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Pejabat Pembahagian Pusaka (JKPTG) Negeri Kelantan juga telah melaksanakan beberapa program dan sesi penerangan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai ilmu faraid serta kepentingan menyediakan perancangan harta pusaka seperti berikut:

- i. Program Kampung Angkat MADANI NRES bertempat di Kampung Aril Pauh Lima, Melor pada 10 Januari 2025;
- ii. Program Bekwoh Sekampung dan Perasmian Dewan Masjid Nurul Hidayah, Felda Kemahang 2, Tanah Merah pada 19 Januari 2025;
- iii. Kerjasama dengan Pejabat KESEDAR dalam memberikan penerangan kepada Ketua Masyarakat KESEDAR, anjuran KESEDAR Gua Musang;
- iv. Program Celik Pusaka Terhak Baitulmal, anjuran Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), yang telah diadakan di Pejabat Agama Jajahan Pasir Puteh pada 28 September 2025 dan Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah pada 6 Oktober 2025.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan sistem e-Doket bagi menggantikan kaedah manual dalam urusan pengurusan pasir dan apakah potensi manfaat yang dilihat daripada pelaksanaan ini?

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Sistem e-Doket merupakan doket digital yang tidak dikeluarkan secara fizikal, sebaliknya diakses melalui peranti seperti telefon pintar. Pada masa ini, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sedang membuat kajian terperinci berkenaan potensi pelaksanaan e-Doket yang akan mengambil kira pelbagai faktor.

Buat masa kini, PTG telah melaksanakan Sistem e-Kuari bagi pemantauan pengeluaran bahan batuan daripada kuari. PTG juga sedang menilai keupayaan sisten tersebut untuk diperluaskan penggunaannya kepada semua jenis pengeluaran bahan batuan termasuk pasir, bagi memastikan urus tadbir pengeluaran mineral yang lebih cekap, telus dan berintegriti.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan adakah Kerajaan Negeri berhasrat menyuburkan keusahawanan berasaskan emas di Negeri Kelantan kerana kita tahu Negeri ini dikenali sebagai pusat usahawan emas dengan mencatatkan rekod jualbeli emas antara yang tertinggi di Malaysia?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk terus menyuburkan keusahawanan berasaskan emas di Negeri Kelantan memandangkan negeri ini telah lama dikenali sebagai pusat jual beli emas yang aktif serta mempunyai ramai usahawan emas tempatan yang berdaya saing.

Sehubungan itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengemukakan cadangan menaik taraf Bangunan Arked Perbadanan Kota Bharu bagi dijadikan sebagai Arked Emas @ Bazar Emas dengan anggaran kos sebanyak RM14,864,000.00 yang telah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

Selain itu, PKINK melalui Permodalan Kelantan Berhad (PKB) turut melaksanakan Program Sijil Penilaian Emas dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) di samping bersedia untuk menawarkan perkhidmatan serta produk berasaskan emas bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan emas di Negeri Kelantan.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN - DABONG

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan Berapakah bilangan peserta yang telah menyertai Program Penempatan Pekerjaan di Industri yang diuruskan oleh pihak Ubes mengikut pecahan DUN?

JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)

Program Penempatan Pekerjaan di Industri merupakan salah satu inisiatif di bawah Portfolio Belia dan Sukan Negeri Kelantan, dilaksanakan oleh Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) dengan kerjasama Insan Inisiatif Sdn. Bhd. sejak tahun 2020. Program ini memberi peluang kepada belia dan beliawanis Kelantan untuk menjalani latihan teori dan praktikal di sektor industri sebenar, seterusnya ditawarkan pekerjaan tetap berdasarkan prestasi sepanjang tempoh latihan. Peserta program menerima kemudahan tempat tinggal, makan, elaun latihan, serta potongan caruman KWSP dan PERKESO sepanjang penempatan industri.

1. Pencapaian Sehingga Tahun 2025

Sehingga September 2025, Kerajaan Negeri melalui U-BeS telah berjaya menempatkan seramai 410 orang belia dan beliawanis ke pelbagai sektor pekerjaan swasta seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 371 orang peserta telah menjalani latihan industri sepanjang tahun 2020 hingga tahun 2024, dan. Manakala seramai 39 orang peserta telah melapor diri dalam empat batch tahun 2025. Peserta terlibat dalam pelbagai sektor industri termasuk pembuatan, perhotelan, perkhidmatan pelanggan dan kecantikan. Peserta yang menamatkan enam (6) bulan latihan diberikan Pensijilan

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

Profesional Pembangunan Kerjaya yang diiktiraf oleh UTMSpace serta berpeluang diserap terus ke dalam industri masing-masing.

2. Pelaksanaan Terkini Tahun 2025

Bagi tahun semasa, U-BeS telah menghantar seramai 13 peserta baharu mengikuti Program Pensijilan Profesional Pembangunan Kerjaya bermula 12 Jun 2025 bertempat di Hotel Maluri, Kuala Lumpur. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama syarikat MIMONE (Damansara) di bawah sektor kecantikan dan kesihatan, di mana peserta mengikuti satu (1) bulan latihan teori dan praktikal intensif sebelum diserap sebagai pekerja tetap. Kesemua 13 peserta ini telah berjaya menamatkan latihan dan kini berkhidmat sepenuh masa di MIMONE, menjadikan mereka sebahagian daripada belia Kelantan yang berjaya menembusi pasaran pekerjaan di sektor industri moden.

3. Pecahan Penyertaan Mengikut DUN

Bagi program tahun 2025, penempatan peserta dibuat berdasarkan permohonan dan saringan melalui U-BeS, dengan keutamaan kepada belia lepasan SPM dan IPT dari pelbagai kawasan DUN seluruh negeri. Walaupun jumlah 13 peserta tidak diagih secara rasmi mengikut DUN, penyertaan melibatkan wakil dari beberapa jajahan termasuk Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Bachok. Pihak U-BeS sedang melaksanakan proses pengumpulan data pemetaan DUN peserta industri bagi memastikan pengagihan penyertaan masa depan lebih seimbang dan inklusif di seluruh negeri. Usaha ini merupakan sebahagian daripada pelan holistik pembangunan bakat belia negeri, yang bukan sahaja memberi peluang pekerjaan, tetapi juga memperkukuh kemahiran insaniah dan profesional anak muda Kelantan.

Kerajaan Negeri akan terus memperluas jalinan kerjasama strategik bersama industri tempatan dan antarabangsa agar lebih ramai belia Kelantan dapat menikmati peluang kerjaya yang mampan dan berpendapatan tinggi, selaras dengan aspirasi Belia Al-Qawiyul AlAmin – belia yang kompeten, berdaya saing dan berintegriti.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan Berapa buahkah PBT yang mempunyai Jabatan Pembangunan Insan(JPI) dan pegawai yang berkaitan mengikut pecahan tahun di tubuhkan serta bilangan kakitangan JPI masing-masing?

JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kelantan Kali Ke 10/2015 yang bersidang pada 13 Mei 2015 telah meluluskan Cadangan Mewujudkan Unit/ Bahagian Pembangunan Islam di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan sebagaimana berikut:

i. Semua PBT hendaklah menubuhkan dan menggerakkan bahagian/ unit tersebut mulai 1 Januari 2016. Sementara penubuhan unit ini, semua aktiviti dan fungsinya akan diurusetikan oleh Bahagian/ Unit Pentadbiran PBT masing-masing.

ii. Unit/ Bahagian tersebut hendaklah dengan keanggotaan minima seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (Kontrak) dan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 (Kontrak).

iii. Semua PBT akan diberikan bantuan Belanja Mengurus berjumlah RM50,000 untuk penubuhan dan penjalanan aktiviti (telah disalurkan pada 9 Jun 2016).

Perjawatan di PBT setakat ini adalah:

BIL	PBT	JABATAN/ UNIT PEMBANGUNAN ISLAM
1	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	1
2	Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam	1
3	Majlis Daerah Gua Musang	1
4	Majlis Daerah Tanah Merah	1
5	Majlis Daerah Pasir Mas	1
6	Majlis Daerah Kuala Krai	1
7	Majlis Daerah Pasir Puteh	1

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

8	Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam	1
9	Majlis Daerah Jeli	1
10	Majlis Daerah Tumpat	1
11	Majlis Daerah Machang	1
12	Majlis Daerah Dabong	0

Unit Pembangunan Islam di Majlis Daerah Dabong tidak diisi sehingga sekarang selepas Penolong Pegawai Tadbir unit tersebut meletak jawatan pada Oktober 2017. Walaubagaimanapun, segala aktiviti dan fungsi telah dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Tadbir, Unit Pentadbiran Majlis Daerah Dabong.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI - NENGGIRI**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan Bagaimanakah Kerajaan Negeri bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk memastikan tapak-tapak warisan budaya dan sejarah yang akan ditenggelami air dapat direkod, dipelihara, atau dipindahkan sebelum proses penakungan air secara menyeluruh bermula.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Warisan Negara dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah lama menjalinkan hubungan erat dengan agensi warisan di peringkat Negeri dan Persekutuan. Antaranya:

**1. Kerjasama dan Penyelidikan Arkeologi**

Khususnya di kawasan Hulu Kelantan, telah menerima sokongan berterusan daripada Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui kerjasama akademik dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Kerajaan Negeri bagi memastikan tapak-tapak warisan yang akan ditenggelami air dapat direkod, dipelihara atau dipindahkan sebelum proses penakungan air secara menyeluruh bermula khususnya melibatkan Projek Empangan Nenggiri, Gua Musang. Ekskavasi penyelamatan yang dijalankan di Lembah Nenggiri antara September 2022 dan November 2023 bertujuan mendokumentasikan stratigrafi tapak, menyelamatkan artifak dan merekodkan konteks arkeologi secara sistematik sebelum kawasan tersebut ditenggelami air akibat pembangunan empangan, sekaligus memastikan pemeliharaan warisan budaya dan sejarah material tempatan. Keseluruhan artifak serta data lapangan yang

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

diperoleh daripada Lembah Nenggiri, termasuk tapak-tapak yang berisiko ditenggelami air telah direkodkan secara sistematik dalam Inventori Arkeologi Jabatan Warisan Negara (JWN). Inventori ini berfungsi sebagai sumber rujukan utama bagi kajian sejarah, budaya, dan warisan negara pada masa hadapan.

**2. Penemuan Arkeologi**

Antara penemuan terpenting termasuk rangka manusia prasejarah telah dibawa ke Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk melalui proses konservasi serta analisis saintifik secara terperinci. Proses ini melibatkan pendekatan pelbagai disiplin seperti penentuan tarikh radiokarbon, analisis osteologi dan kajian bioarkeologi bagi memperoleh data yang lebih mendalam tentang aspek kehidupan serta adaptasi manusia prasejarah. Setelah prosedur konservasi dan analisis selesai, artifak dan rangka tersebut akan dipamerkan di muzium negeri atau galeri yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, bukan sahaja sebagai medium pendidikan masyarakat, tetapi juga sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk pemeliharaan dan penghayatan warisan arkeologi negara.

**3. Pengiktirafan dan Pewartaan**

Kerajaan Negeri Kelantan turut memperlihatkan komitmen terhadap pemeliharaan warisan arkeologi dengan turut serta semasa sidang media yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 31 Mei 2023. Sidang media tersebut memberi tumpuan kepada penemuan rangka manusia prasejarah di Gua Keledung Kecil, Lembah Nenggiri, yang dianggarkan berusia antara 14,000 hingga 16,000 tahun. Penemuan ini bukan sahaja menegaskan kepentingan Lembah Nenggiri sebagai tapak arkeologi yang penting, malah turut menambah bukti saintifik tentang kewujudan awal manusia di Semenanjung Malaysia dan jaringan migrasi prasejarah di Asia Tenggara.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**4. Komitmen Berterusan Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Menteri Besar, berhasrat akan mencalonkan rangka manusia prasejarah tersebut untuk diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] sebagai objek warisan. Pewartaan ini akan memberikan perlindungan undang-undang terhadap penemuan berkenaan, selaras dengan nilai saintifik, budaya dan pendidikan yang dikandungnya. Langkah tersebut juga memastikan warisan arkeologi yang signifikan ini dapat terus dipelihara, dikaji, serta dimanfaatkan sebagai rujukan ilmiah dan sumber penghayatan sejarah bagi generasi masa kini dan akan datang.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA  
(BELANJAWAN)  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM - GALAS

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan berapakah jumlah guru dan kakitangan di 20 SABK dibawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan.

JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Bilangan guru dan kakitangan di bawah kelola Yayasan Islam Kelantan yang bertugas di SABK adalah seramai 51 orang iaitu 20 orang pengetua, 5 orang guru penolong kanan, 26 orang guru penolong dan tiada anggota kakitangan pelaksana.

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah perkembangan dan kemajuan Projek-Projek Pembangunan yang dibawah Belanjawan 2025.

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Sehingga 30 September 2025, Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir RM62.83 juta daripada jumlah peruntukan langsung pembangunan RM311.33 juta tahun ini. Baki selebihnya sedang dilaksanakan secara berperingkat, dengan keutamaan kepada projek yang memberi kesan langsung kepada rakyat seperti infrastruktur asas dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Sebahagian perkembangan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan adalah:

- i. Madinatul Al-Riyadhah 37.66% berbanding jadual 36.91%.
- ii. Madinah Ramadhan telah pun di peringkat akhir penyediaan dokumen tender dan dijangka memulakan Kerja-kerja Rawatan Tanah (kaedah PVD dan R&R) pada Januari 2026.
- iii. KB Sentral akan memulakan kerja-kerja rawatan tanah pada bulan hadapan. Lawatan tapak ke kuari tanah di Jerus, Pasir Puteh telah dilakukan bersama kontraktor dan pengiraan kadar penggunaan tanah serta trip sedang dalam pengiraan jabatan teknikal.
- iv. Peruntukan bagi Projek Jalan-jalan kampung telah dibelanjakan sebanyak RM6.1 juta atau 76.25% daripada bajet RM8.0 juta manakala projek di peringkat perancangan dan reka bentuk dijangka dimulakan dalam suku pertama tahun hadapan.